

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

**YMT 302/4 - Komunikasi Antarabudaya**

Masa: 3 jam

---

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Huraikan **LIMA (5)** daripada konsep-konsep berikut:

- a. Budaya
- b. Restu (consent)
- c. Masuk akal (commonsensical)
- d. Stereotaip
- e. Budaya berlawananan
- f. Penentuan teknologi (technological determinism)

(25 markah)

2. Budaya dan politik tidak dapat dipisahkan. Bincangkan kenyataan ini dengan mengaitkan faktor budaya dominan dan budaya kecil.

(25 markah)

3. Penyanyi popular tempatan seperti Zainal Abidin dan kumpulan-kumpulan muzik *rock* yang berkenaan telah berjaya mempopularkan lagu-lagu yang mendatangkan kesedaran sosial kepada peminatnya, khususnya, dan rakyat biasa, amnya, di negara kita. Sejauh manakah kenyataan ini benar?

(25 markah)

...2/-

4. Teknologi moden, khususnya teknologi komunikasi, memberi peluang yang luas kepada semua lapisan masyarakat untuk memperkaya dan mempopularkan budaya serta memajukan kepentingan masing-masing. Bincang dengan memberi contoh-contoh.

(25 markah)

5. Kalau diambilkira "sifat-sifat keperempuanan" (femininity) golongan wanita, mereka sudah sememangnya tidak boleh memain peranan utama dalam kegiatan budaya kecil. Bincang kenyataan ini dengan memberi contoh-contoh jelas.

(25 markah)

-oooOooo-